

05 JUN 2003

Langkawi-Mahathir (Fokus Berita/Bergambar)

APAKAH MASA DEPAN LANGKAWI SELEPAS PERSARAAN DR MAHATHIR?

Oleh: Mohd Zahari Morad

LANGKAWI, 5 Jun (Bernama) -- Persaraan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Oktober ini turut membawa satu persoalan tentang masa depan pulau bebas cukai, Langkawi.

Apakah pulau legenda Mahsuri ini tetap mendapat keistimewaan kerajaan pusat ataupun masa depannya menghadapi tanda tanya selepas persaraan Dr Mahathir.

Ini kerana Dr Mahathir dilihat sebagai arkitek pembangunan Langkawi, yang merubahnya dari kemunduran menjadi pulau pelancongan yang dikenali dunia.

Sejak Langkawi diberi status bebas cukai pada 1987, Dr Mahathir tidak pernah merasa jemu melawat dan meninjau sendiri pembangunan pulau itu, malahan beliau adalah penyumbang idea utama kepada beberapa projek pembangunan di situ.

Beberapa pihak yang ditemui menolak tanggapan Langkawi akan diketepikan, malah menegaskan bahawa Perdana Menteri telah membina landasan yang sangat kukuh dan landasan itu akan menjadi teras pembangunan pada masa hadapan.

Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menolak sama sekali tanggapan itu sambil menyifatkan kebimbangan itu cuma satu tajuk perbualan yang tidak mempunyai asas.

Katanya persaraan Dr Mahathir dan pembangunan Langkawi adalah dua perkara yang berbeza.

"Pembangunan akan tetap berjalan walaupun Dr Mahathir bersara kerana kerajaan pusat dan negeri sudah pasti akan meneruskan agenda yang telah diletakkan oleh Dr Mahathir bagi pembangunan pulau itu," katanya.

Sambil mengakui beliau sendiri telah mendengar persoalan kononnya matahari akan terbenam di Langkawi selepas ini, Syed Razak berkata beliau yakin Langkawi tetap akan maju kerana Perdana Menteri telah meletakkan asas yang kukuh baginya.

Langkawi kini dilengkapi dengan segala kemudahan sementara beberapa projek yang sedang dan akan dilaksanakan bakal menjadikan ia lebih indah dan menarik dan dapat meningkatkan jumlah pelancong, katanya.

Syed Razak yang juga pengerusi bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) berkata kerajaan pusat dan negeri juga akan terus memberi perhatian dengan menyalurkan sejumlah peruntukan bagi memastikan pulau itu tetap menjadi destinasi utama pelancong ke negara ini. (Dr Mahathir, atas kapasiti Menteri Kewangan, adalah juga pengerusi bersama LADA)

Beliau juga berkata penduduk Langkawi melahirkan penghargaan yang amat tinggi terhadap Dr Mahathir.

"Tanpa inisiatif beliau, sudah pasti Langkawi akan kekal padang jarak padang terkukur. Sudah pasti kita akan meminta pandangan beliau walaupun selepas bersara nanti," katanya.

Menyedari betapa pesatnya pembangunan di pulau itu, Dr Mahathir semasa merasmikan upacara pecah tanah projek pembesaran Underwater World, di Pantai Cenang awal Mac lepas, telah menyuarakan secara spontan cadangan Langkawi dijadikan pusat pentadbiran negeri Kedah.

Walaupun pelbagai pihak melihat kenyataan itu hanya satu gurauan, tetapi sekiranya didalami, ia mungkin membawa maksud supaya mana-mana pihak tidak mengabaikan Langkawi pada masa depan.

Sejak menerima status bebas cukai, pembangunan Langkawi sangat pesat dengan banyak pelaburan masuk. Pelbagai projek rancak dijalankan seperti

pembinaan hotel bertaraf lima bintang dan antarabangsa, projek kereta kabel, marina untuk kapal layar di Pantai Kok, perkampungan oriental dan lain-lain lagi.

Langkawi juga muncul sebagai tempat penganjuran acara peringkat antarabangsa, dan dua acara yang paling terkenal adalah Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang diadakan dua tahun sekali dan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang menghimpunkan tokoh-tokoh ternama dari serata dunia.

Bagi Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), ia tetap yakin kerajaan persekutuan dan negeri tidak akan membiarkan pulau itu terumbang-ambing selepas kerajaan memperuntukkan wang yang banyak sebelum ini untuk pembangunannya.

Presiden LTA, IM Melvin berkata Dr Mahathir telah bersusah payah membangunkan dan telah meletakkan perancangan masa depan Langkawi, dan apa yang perlu dilakukan adalah meneruskan agenda yang telah ditetapkan itu.

"Saya yakin Langkawi akan tetap membangun dengan pesat dan kerajaan akan tetap memberi perhatian kepada pulau itu," kata Pengurus Besar Tanjung Rhu Resort itu, sebuah resort bertaraf antarabangsa.

LTA mempunyai keanggotaan sebanyak 45 syarikat yang terdiri daripada agensi pelancongan, pengusaha hotel, restoran, peniaga dan pemandu pelancong yang beroperasi di Pulau Langkawi.

Melvin berkata Langkawi terkenal kerana dua sebab iaitu keindahan alam semula jadi dan pantai yang cantik, yang merupakan daya tarikan utama kepada pelancong dari luar negara dan satu lagi tarikan adalah syurga membeli belah.

Bagi menarik pelancong luar, yang perlu kita lakukan adalah mengekalkan keindahan alam itu serta lakukan promosi yang lebih agresif dan jika itu mampu kita lakukan, setiap tahun bakal menyaksikan jumlah kedatangan pelancong yang meningkat dari Eropah, Asia Barat dan Asia Timur, katanya.

"Dan kita harus berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana selama ini menekankan tentang perlunya kita terus memelihara khazanah yang tidak ternilai iaitu keindahan alam semula jadi," katanya.

Beliau berkata persatuan itu juga aktif dalam menjalankan promosi di luar negara dengan kerjasama Majlis Tindakan Pelancongan Langkawi dalam usaha menarik lebih ramai pelancong.

Bagi Presiden Penaja Persatuan Peniaga Kedai Bebas Cukai Langkawi Arshad Desa, apa yang telah dilaksanakan Dr Mahathir di Langkawi jelas harus diteruskan dan perlu wujud kesinambungan, agar pulau itu tidak terabai.

"Kita sangat-sangat mengharapkan kerajaan pusat teruskan usaha pembangunan yang telah dibina. Sekiranya diabaikan, apa akan jadi kepada para pengusaha pelancongan dan para peniaga yang telah banyak membuat pelaburan di sini," katanya.

Yang Dipertua Persatuan Tuan Empunya Pemandu dan Kereta Sewa Langkawi Yusof Abdullah berkata kemajuan Langkawi tidak akan terjejas kerana yakin landasan yang telah dibina akan diteruskan oleh pengganti Dr Mahathir.

Pemimpin tertinggi kerajaan dan pegawai, katanya, perlu meneruskan usaha yang telah dilaksanakan oleh Dr Mahathir itu kerana ia menunjukkan bahawa mereka menghargai usaha tidak kenal jemu pemimpin berkenaan.

-- BERNAMA

MZM ZS RON